

SOALAN NO: ⁴⁶⁹~~482~~

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL8 [PR-1342-T74576]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah projek perumahan yang baru dibina di Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, sebagai sebuah Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pesat membangun, permintaan kepada pembangunan terutamanya kediaman di Wangsa Maju amat menggalakkan.

Antara projek perumahan yang dibina di Wangsa Maju adalah seperti berikut:

- 1) pembangunan 3 blok pangsapuri (565 unit) di atas Lot 28144 (PT.6630), Jalan J7, Wangsa Maju, Mukim Setapak;
- 2) pembangunan 2 blok pangsapuri kos tinggi 31 tingkat (350 unit) di atas lot PT.9342, Fasa 4, Desa Melawati, Mukim Setapak;
- 3) pembangunan bercampur yang mengandungi 2 blok pangsapuri servis 23 tingkat (412 unit) dan ruang perniagaan di atas lot 29094 (PT.7573 & 9462), Jalan Madrasah, Mukim Setapak; dan
- 4) pembangunan bercampur yang mengandungi 1 blok pangsapuri servis 29 tingkat (285 unit) dan ruang perdagangan di atas lot 24282, Jalan 1A/6 Off Jalan Ibu Kota, Mukim Setapak.